

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS MAKAN MALAM UMP  
PADA HARI JUMAAT, 26 APRIL 2013, PUKUL 8:00 MALAM  
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman,  
Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang;

Rakan-rakan saya:

Yang Hormat Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin,  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Zahari Taha,  
Penolong Naib Canselor (Pentadbiran UMP Pekan);

Haji Mustafa Ibrahim,  
Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,  
Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Encik Mohd Raizalhilmy Mohd Rais,  
Pengerusi Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS) UMP;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Warga kerja UMP yang dikasihi sekalian.

*Assalamualaikum warhmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. *Alhamdulillah*, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka keluarga besar Universiti Malaysia Pahang dapat berhimpun di sini sempena majlis makan malam yang julung-julung kali diadakan ini.
2. Terlebih dahulu, sukalah saya mengucapkan selamat datang serta mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat kita, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, Ahli Lembaga Pengarah UMP kerana sudi bersama-sama keluarga besar UMP pada malam ini.
3. Dengan semangat kekeluargaan dan kekitaan yang tinggi, maka majlis makan malam ini merupakan medan di mana warga kerja UMP dapat mengeratkan lagi talian silaturrahim sesama mereka.

4. Ini merupakan manifestasi fleksibiliti kita dalam rutin seharian sebagai penjawat awam di sini. Walaupun pada hakikatnya terdapat hirarki atau protokol tertentu dalam urusan rasmi seharian, namun hakikat itu tidak membataskan pula jalinan persahabatan dan persaudaraan antara kita berteraskan persefahaman dan perasaan setiakawan.
5. Justeru, majlis pada malam ini turut menggambarkan kesatuan minda dan tindakan warga kerja UMP untuk membentuk kerangka tenaga yang ampuh bagi menjayakan aspirasi perdana Universiti ini.
6. *Alhamdulillah*, kehadiran jemputan yang ramai pada malam ini adalah petanda positif bahawa usaha untuk memperkukuh sinergi kerja warga UMP melalui jaringan persahabatan secara tidak rasmi diterima baik kita semua.
7. Adalah menjadi harapan saya agar inisiatif ini terus diberikan tumpuan yang sewajarnya oleh pihak BKSS dalam konteks pemupukan kesedaran kewargaan (*citizenship*) dan kepunyaan (*belonging*) terhadap UMP dalam kalangan warga kerja Universiti ini.

8. Pada yang sama, BKSS juga haruslah terus memberikan perhatian kepada objektif utama penubuhannya iaitu pengurusan kebajikan warga kerja UMP dengan melaksana inisiatif-inisiatif yang berkaitan secara lestari dan menyeluruh.
9. Sebelum mengakhiri ucapan ringkas ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman atas kesudian beliau hadir bagi memeriahkan lagi acara ini.
10. Akhirnya, sukalah saya mengucapkan tahniah kepada pihak BKSS UMP atas komitmen yang telah diperlihatkan bagi menganjurkan Majlis Makan Malam UMP ini. Mudah-mudahan, Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada kita dengan naungan kesejahteraan, keselamatan dan kecemerlangan, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*